

08 JUN 2001

Mahathir-Ringggit

KADAR TUKARAN RINGGIT MUNGKIN BERUBAH BERGANTUNG MATAWANG LAIN

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 8 Jun (Bernama) -- Malaysia mungkin menimbang untuk mengubah kadar tukaran ringgit sekiranya matawang para pesaingnya merosot atau meningkat sebanyak 20 peratus dan terus kekal di paras itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata sebagai sebuah negara pembuatan, 82 peratus daripada eksport Malaysia adalah barangan perkilangan yang diperbuat daripada komponen import dan kadang kala kandungannya sehingga 50 peratus.

"Apabila kita menurunkan nilai ringgit, kos import dalam bentuk ringgit akan meningkat. Jadi kita tidak memperolehi apa-apa kerana import akan menjadi mahal disebabkan oleh keperluan untuk mengimport komponen itu," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan hadirin selepas menyampaikan ucapan bertajuk "Melampaui Globalisme dan Globalisasi" pada Persidangan Antarabangsa ke-7 mengenai Masa Depan Asia, di Hotel Imperial di sini.

Persidangan tahunan itu dianjurkan oleh kumpulan media Jepun, Nihon Keizei Shimbun, dan dihadiri antara lain ahli akademik dan wartawan.

Dr Mahathir berkata barangan import dan makanan akan menjadi lebih mahal dan mengakibatkan peningkatan kadar, sebagai contoh 20 peratus daripada ringgit dan ini akan hanya memberi keuntungan kepada Malaysia kira-kira lima peratus kerana perlu mengimport banyak komponen.

Pada masa yang sama keuntungan akan menjadi lebih kecil kerana pekerja akan meminta upah yang lebih setelah import barangan dan makanan meningkat dari segi ringgit tempatan.

"Apabila mereka meminta upah yang tinggi, ia akan menghapuskan semua keuntungan yang kita perolehi daripada penurunan nilai ringgit," kata Dr Mahathir yang juga pemangku Menteri Kewangan.

Dengan itu, beliau berkata, Malaysia sedang berhati-hati mengkaji kesan penurunan nilai atau membuat penilaian semula matawangnya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak mempunyai masalah dalam mengeksport produknya disebabkan oleh penyusutan Yen dan rupiah Indonesia sekarang.

"Malahan kami mendapati imbalan dagangan banyak memihak kepada kami. Eksport kami melebihi import buat masa ini. Jadi tiada sebab kenapa kami patut menurunkan nilai ringgit kami," katanya.

Ringgit Malaysia kini ditetapkan pada kadar RM3.80 berbanding satu dollar Amerika.

Dr Mahathir berkata dengan ringgit ditetapkan pada kadar itu, para pelabur boleh mengunjurkan belanjawan mereka bertahun lamanya tanpa bimbang mengenai penurunan atau penilaian semula ringgit.

-- BERNAMA

JM RYN RON